



031-Perkahwinan Sejenis Menurut Perspektif Kristian dan Islam

***Nurhanis Husna Bt Lokman**
Universiti Sains Islam Malaysia

Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar
Universiti Sains Islam Malaysia

*E-mel:hanis99husna@gmail.com

ABSTRAK

Perkahwinan merupakan perkara asas yang harus dilakukan seseorang dengan persetujuan antara dua pihak sebagai langkah pertama dalam membentuk institusi keluarga. Setiap agama juga menganggap perkahwinan sebagai satu ikatan antara lelaki dan perempuan yang suci dan agung dalam kehidupan manusia. Perkahwinan sejenis pula merupakan perkahwinan dari pasangan yang sama jenis kelaminnya melalui sebuah acara keagamaan. Di Barat, khususnya di beberapa buah negara majoriti penganut Kristian, perkahwinan sejenis bukanlah perkara yang baharu malah fenomena lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) kini menjadi satu fenomena yang semakin hari semakin diterima masyarakat sebagai satu kehidupan sosial. Fenomena ini telah berkembang di seluruh dunia dan menjadi suatu amalan termasuk di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui adakah agama Kristian memandangkan perkahwinan sejenis itu sebagai suatu ikatan yang suci dan dibolehkan dalam agama mereka memandangkan beberapa buah negara di Barat telah membenarkan perkahwinan sejenis ini. Selanjutnya, kajian ini akan mengupas pandangan Islam ke atas perkahwinan sejenis. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan bagi pengumpulan data. Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif interpretif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada dasarnya, kedua-dua ajaran agama Kristian dan Islam tidak membenarkan perkahwinan sejenis. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan minoriti sarjana Kristian yang tidak menghalang perkahwinan sejenis. Kajian ini penting dalam merungkai permasalahan LGBT daripada akar umbi iaitu pegangan agama yang dianuti pengamal LGBT sendiri.

Kata kunci: Perkahwinan sejenis; LGBT; Kristian; Islam

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan perkara asas yang dilakukan oleh seseorang dengan persetujuan antara dua pihak samaada lelaki mahupun perempuan sebagai langkah pertama dalam membentuk institusi keluarga. Setiap agama juga memandangkan perkahwinan adalah suatu perkara yang suci kerana ia boleh mengembangkan institusi kekeluargaan. Namun, dewasa ini, perkahwinan tidak hanya dilakukan oleh sepasang individu lelaki dan perempuan, malah pasangan yang sama jenis kelaminnya turut menghalalkan hubungan ini terutama di negara Barat khususnya beberapa buah negara majoriti penganut agama Kristian. Pada dasarnya,



ketertarikan, perkahwinan serta perilaku seks terhadap jantina yang sama bukanlah perkara yang baharu malah isu sejenis ini semakin hari semakin diterima masyarakat dan pemikiran ini kian mempengaruhi masyarakat awam terutamanya kepada golongan muda termasuk di Malaysia. Perkahwinan sejenis merupakan kecenderungan seseorang yang tertarik kepada pasangan yang sama gender (Stuart, 2013). Ia juga dikenali sebagai homoseksual manakala hubungan atau ketertarikan terhadap berlawanan gender diistilahkan sebagai heteroseksual.

Golongan homoseksual ini dikategorikan dan termasuk dalam golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). Pada dasarnya, bermula dari perilaku homoseksual lalu timbulnya keinginan untuk menikahi sesama jenis dan akhirnya menuntut supaya hubungan mereka diiktiraf. Menurut Feldmen (1990), antara punca berlakunya homoseksual adalah disebabkan oleh masa silam dan perasaan. Malah, isu ini menjadi perkara yang diperjuangkan oleh sekumpulan individu yang digelar sebagai feminis untuk mendapatkan hak mereka. Oleh itu, makalah ini ditulis untuk menganalisis bagaimana kedua agama ini memandangi isu perkahwinan sejenis.

KAJIAN LITERATUR

Isu mengenai perkahwinan sejenis dan homoseksual telah banyak dibahas oleh para pengkaji namun tidak banyak kajian yang mendedahkan sama ada agama Kristian membenarkan ataupun tidak akan perkahwinan sesama jenis. Walaubagaimanapun, kajian ini telah mengambil beberapa maklumat lepas yang hampir serupa untuk dijadikan sebagai rujukan. Antaranya, menurut Mohd Roslan (2011) melalui satu jurnal yang ditulis oleh beliau, hal perjuangan gender telah menyerap masuk ke Nusantara. Sebagai contoh di Indonesia, seorang tokoh, Prof Dr Musdah Mulia telah diiktiraf atas usahanya dalam menyebarkan fahaman ini. Beliau bukan sahaja mempersoalkan hukum hakam malah hak untuk berhubungan sesama jenis juga turut diperjuangkan. Kajian ini turut disokong oleh Nur Zainatul Nadra et al. (2018) yang menyatakan bahawa gejala homoseksual adalah serangan pemikiran yang menginginkan penerimaan masyarakat dan tidak menyalahi syariat. Serangan ini dilakukan oleh feminis yang memperjuangkan hak-hak kesamarataan gender kerana pada pemahaman mereka hukum yang terdapat dalam Al-Quran telah mendiskriminasi gender. Menurut Nur Zainatul Nadra et al. lagi, para saintis membuat satu kajian bahawa faktor utama ketertarikan kepada sesama jenis atau homoseksual adalah disebabkan oleh persekitaran sama ada persekitaran selepas kelahiran atau perkembangan dalam masyarakat.

Sementara itu, satu kajian ilmiah telah dibuat oleh Universiti Malaysia Sabah (2021) yang membincangkan mengenai falsafah perkahwinan dari perspektif empat agama iaitu Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Kajian ini merumuskan bahawa terdapat pelbagai jenis adat dan cara dalam melangsungkan perkahwinan, namun ia dilakukan mengikut pegangan, ajaran dan kepercayaan setiap agama. Kajian ini juga berpendapat bahawa setiap agama tidak menerima perkahwinan sesama jenis kerana amat bertentangan dengan kepercayaan agama yang dianuti. Menurutnyanya lagi, dalam agama Kristian, perkahwinan sejenis tidak dibahas secara mendalam dalam alkitab, namun alkitab perjanjian lama menyatakan dengan jelas bahawa Tuhan menciptakan manusia berpasang-pasangan iaitu perempuan dan lelaki.



METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan. Pendekatan kepustakaan dianggap mampu merungkai secara mendalam mengenai status perkahwinan sejenis dalam konteks agama. Data kajian dikumpul dan dianalisis secara deskriptif interpretif dari sumber primer dan sekunder seperti artikel jurnal, kajian ilmiah dan wacana.

DAPATAN KAJIAN

Perkahwinan Sejenis Menurut Agama Kristian

Perkahwinan menurut falsafah Kristian adalah tanda cinta Tuhan kepada manusia dan dengan berkahwin, akan membentuk hubungan yang suci antara lelaki dan perempuan. Agama Kristian juga menganggap perkahwinan adalah kontrak antara dua individu yang saling mencintai yang akan hidup bersama dengan amanah yang dipegang. Perkahwinan menurut agama Kristian Roman Katolik pula adalah penyatuan antara lelaki dan perempuan yang berpandukan kepada peristiwa Adam dan Hawa yang pada mereka gambaran daripada Tuhan kepada manusia (Roziyah, 2010). Namun mutakhir ini perkahwinan sesama jantina bukanlah sesuatu yang ganjil bagi masyarakat. Beberapa buah negara di Barat terutama penduduk yang majoriti penganut Kristian membenarkan perkahwinan sesama jantina. Menurut Saleh & Muhammad Arif (2018), sebilangan besar aliran agama Kristian seperti Katolik dan Protestan tidak membenarkan perkahwinan sesama jenis atau gay dan lesbian. Dalam keyakinan agama mereka, perbuatan tersebut adalah dosa besar dan tergolong dalam perbuatan yang keji. Kitab panduan mereka juga meletakkan bahawa adalah tidak wajar bagi seseorang individu berbuat hal sedemikian. Perlakuan ini sememangnya tidak dijelaskan secara mendalam dalam alkitab, namun jelas menunjukkan bahawa perkahwinan sejenis merupakan perbuatan yang dosa kerana menurut alkitab, Adam dipasangkan dengan Hawa. ia jelas menunjukkan bahawa seseorang individu perlu mempunyai pasangan yang bebezanya jantina.

Sejarah homoseksual pada Kristian jika ditelusuri kisahnya, asal usul homoseksual berkenaan dengan peristiwa kota Sodom dan Gamora. Hal ini dicatatkan dalam kitab Pada Kejadian 19:1-29. Seorang ahli tafsir biblika iaitu Philo Judeus menafsirkan bahawa dosa penduduk kota Sodom dikaitkan dengan perilaku seksual sesama jantina. Dalam ajaran mereka, perlakuan ini amatlah salah dan ingkar dalam agama mereka (Yesaya & Sonny, 2022). Meneliti sejarah homoseksual dalam agama Kristian, jelas menunjukkan bahawa perbuatan seksual sesama jantina tidak dibenarkan dalam agama Kristian kerana ia bertentangan dengan ajaran agama. Perkara ini boleh dijadikan sebagai panduan akan status perkahwinan sejenis dalam agama mereka apabila hubungan sejenis sememangnya tindakan yang menyangkal dan menolak Tuhan. Bagi mereka, perkahwinan merupakan tanda cinta Tuhan kepada manusia. Oleh yang demikian, jika seseorang mengingkari ajaran agama, maka mereka dikira sebagai seseorang yang menolak Tuhan.

Dalam agama Kristian, terdapat beberapa ayat dalam kitab Bible yang menolak homoseks. Antaranya pada pada Fasal Imamat 18:22 dan 20:13 menyebut mengenai



homoseksual iaitu “*Jangan meniduri seorang lelaki sama seperti kamu meniduri seorang wanita. Perbuatan itu sangat menjijikkan*” dan “*Jika seorang lelaki meniduri lelaki lain sama seperti dia meniduri seorang wanita, kedua-dua lelaki itu mesti dihukum mati. Perbuatan mereka itu sangat menjijikkan*”. Petikan ayat dari Bible yang dinyatakan dapat membuktikan bahawa secara amnya, perbuatan ini merupakan larangan dalam agama Kristian. Namun begitu, walaupun perkahwinan sesama jantina tidak dibenarkan, terdapat beberapa gereja yang tidak menolak perkahwinan sejenis, contohnya gereja Quakers. Mereka mengadakan hukum dan undang-undang baru mengikut gereja berkenaan hanya untuk mengiktiraf golongan tersebut. Menurut Saez (2012), sejarah Kristian pada 240 tahun yang lalu tidak membenarkan perkahwinan sesama jantina di mana-mana gereja. Namun, perubahan berlaku seiring dengan kepesatan pembangunan negara apabila beberapa gereja terutamanya di negara penganut Kristian telah membenarkan perkahwinan sesama jantina dijalankan.

Oleh kerana perkahwinan sejenis ini menjadi hal yang tidak asing lagi di negara Barat, terdapat minoriti sarjana Barat yang tidak menghalang hubungan sejenis. Antaranya Timothy F. Murphy, seorang pemikir Barat yang merupakan bekas ahli politik dan psikologi Amerika. Timothy menyangkal pandangan Michael Levin yang mengatakan homoseks mempunyai keburukan iaitu penyalahgunaan organ-organ seksual dan mengundang ketidakbahagiaan dalam pasangan. Timothy menyangkal pernyataan Levin dengan mengatakan bahawa penyalahgunaan organ seksual adalah tidak benar malah ia juga dapat mencapai kenikmatan seksual seperti heteroseksual. Beliau juga berkata, pasangan heteroseksual juga tidak menjanjikan kebahagiaan (Timothy, 2008). Menurut Rei Rubin Barlian (2019), bekas Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama jelas menerima pernikahan sejenis. Beliau berucap dalam satu majlis di White House dengan menyatakan “*California has no good reason for banning same-sex marriage and they should treat everybody fairly, let’s treat everybody equally*” (Toni Ridgaway, 2013).

Perkahwinan Sejenis Menurut Agama Islam

Pemikiran yang cenderung kepada penerimaan homoseksual sebagai perbuatan yang tidak menyalahi ajaran agama Islam telah meresap masuk ke dalam masyarakat Islam hari ini. Malah, golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) sengaja mempamerkan perbuatan keji itu di tempat awam seolah-olah perbuatan itu tidak salah di sisi syariat mahupun undang-undang di Malaysia. Dalam agama Islam, perkahwinan sejenis juga merupakan satu larangan dan pengharaman. Sejarah kaum Nabi Luth telah membuktikan bahawa tindakan sesama jenis merupakan suatu penyimpangan dalam agama. Kisah kaum Nabi Luth dibicarakan dalam al-Quran yang mengutuk keras akan perbuatan ini apabila meninggalkan perempuan hanya untuk kepuasan nafsu syahwat dan bermaksiat antara lelaki. Firman Allah SWT dalam Surah Al-A’raf ayat ke-80 menyebut tentang kisah mereka.

Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas".



Pada hakikatnya, masyarakat negeri di mana tinggalnya Nabi Luth a.s. yakni negeri Sodom telah mengalami kehancuran moral iaitu lebih cenderung kepada menyukai sesama jantina. Perbuatan ini amat bertentangan dengan agama sehinggakan Allah s.w.t menurunkan bala kepada mereka.

Perkahwinan dari sisi sarjana Islam mempunyai pelbagai definisi namun, umum mengetahui perkahwinan adalah suatu akad yang menghalalkan pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan menjaga hak serta kewajipan antara keduanya. Galakan dan perintah untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan terdapat dalam Surah al-Nur pada ayat 32:

“Dan kahwinkanlah orang-orang yang bersendirian di antara kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memampukan mereka dengan kurniaNya. Dan Allah Maha Luas (pemberianNya) lagi Maha Mengetahui.”

Tujuan dan galakan berkahwin juga dikukuhkan dengan terdapat banyaknya hadis Rasulullah S.A.W. yang menyuruh supaya umatnya berkahwin. Oleh itu galakan berkahwin juga sunnah Rasulullah. Antara hadis tentang suruhan berkahwin adalah daripada ‘Abdullah bin Mas’ud, daripada Rasulullah S.A.W bersabda:

“Wahai para pemuda, sesiapa yang berupaya di kalangan kamu untuk berkahwin, maka hendaklah ia berkahwin sebab perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kehormatan. Dan barangsiapa yang tidak berkemampuan, hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu menjadi perisai baginya.”

Namun galakan berkahwin bukanlah tiket untuk menghalalkan perkahwinan sejenis dalam agama. Di samping memberi kesan kepada pembentukan generasi akan datang, ia juga memberi kesan dari segi kesihatan seseorang individu seperti jangkitan bakteria pada alat kelamin dan risiko jangkitan HIV atau AIDS. Kesan daripada itu juga, perkembangan institusi keluarga dan masyarakat akan terbantut oleh kerana tiadanya kelahiran zuriat. Ia juga akan mendatangkan kesan pemikiran yang negatif dalam agama. Oleh yang demikian, praktik perkahwinan sejenis merupakan suatu perilaku homoseksual, maka Imam Malik dan Imam Syafi’i berpendapat bahawa homoseksual merupakan perbuatan zina dan hukuman yang setimpal ke atas mereka adalah rejam. Menurut Imam Syafi’i, jika seseorang itu belum berkahwin, hukuman ke atas mereka adalah disebat seratus kali dan diasingkan selama setahun (Muhammad Arif, 2015). Sistem perundangan Malaysia juga telah meletakkan secara jelas bahawa perbuatan LGBT merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri. Maka kesemua berikut adalah terkandung sebagai peruntukan kesalahan yang terdapat dalam setiap akta, enakmen dan ordinan negeri-negeri di seluruh Malaysia (Laman web e-fatwa 2019:172).



PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua agama sememangnya menolak pernikahan sesama jenis sama ada lelaki dengan lelaki mahupun perempuan sesama perempuan. Hal ini kerana ianya amat bercanggah dengan ajaran agama. Menurut pengkaji, perkahwinan sejenis ini hanyalah mengikut nafsu dan kenikmatan seksual sahaja kerana ianya tidak akan melahirkan generasi seterusnya. Petikan ayat dari Bible yang dinyatakan dapat membuktikan bahawa secara amnya, perbuatan ini merupakan larangan dalam agama Kristian kerana ianya merupakan perbuatan yang terkutuk dan menjijikkan. Dalam Bible juga meletakkan hukum bunuh ke atas pelaku homoseks kerana dianggap sebagai melakukan dosa yang besar. Manakala dalam Al-Quran pada ayat ke-80 Surah Al-A'raf juga menyebut tentang Kaum Nabi Luth mengenai homoseks yang dilakukan mereka. Sejarah mencatatkan penentangan aktiviti homoseksual berlaku sejak zaman Nabi Luth a.s. Hal ini kerana, perbuatan ini amat menyimpang dari fitrah sebenar manusia. Menurut Kristian, galakan perkahwinan heteroseksual berubah kepada homoseksual apabila mendapat persetujuan gereja dan undang-undang yang meluluskan perkahwinan ini. Keadaan ini juga mendapat persetujuan daripada minoriti sarjana Kristian yang mana tidak menghalang isu perkahwinan sejenis ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam agama Kristian, perkahwinan merupakan suatu perkara yang suci dan mereka tidak menghalalkan hubungan perkahwinan sesama jenis. Namun begitu, beberapa sarjana Barat menyetujui perkahwinan ini oleh kerana mereka menganggap homoseksual adalah perkara yang suci dan merupakan satu ketertarikan dan minat seseorang kepada seseorang individu. Dalam meniti arus pemodenan ini, pelbagai pemikiran yang menginginkan kebebasan dan hak individu telah meresap masuk ke dalam jiwa masyarakat dan menjadikan larangan dalam agama suatu perkara yang remeh dan diambil mudah. Walhal, penegahan ini bukan sekadar larangan semata-mata, pasti ia mempunyai kesan yang akan datang.

RUJUKAN

- BBC.CO.UK (2020). Sexual Relationship. <https://www.bbc.co.uk/bitesize/guides/zqcrpbk/revision/7>
- Chek, R. (2010). Konsep perkahwinan dalam Islam dan Kristian: kajian perbandingan/Roziah binti Chek. *Doctoral dissertation, University of Malaya.*
- Feldmen. (1990). *Understanding Psychology, Second Edition.* New York: McGraw-Hill Publishing Company.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamaddun.* Vol 6. pg. 107-121.
- Rei Rubin Barlian. (2019). Trend Legasi Pernikahan Sejenis dan Sikap Gereja. *Jurnal Teologi dan Pendidikan Agama Kristen.* Vol. 17 (1). pg. 1-13.
- Saleh.G., Muhammad Arif., (2018). Fenomenologi Sosial Lgbt Dalam Paradigma Agama.



- Jurnal Riset Komunikasi*. Vol. 1(1). pg. 88-98.
- Staff Writer. (2013). Obama: There's "No Good Reason for a Ban on Same-Sex Marriage. ChurchLeaders.
- Stuart, G.W. (2013). *Principles and Practice of Psychiatric Nursing*. Medical University of South Carolina:Elsevier Mosby.
- Timothy F. Murphy. (2008). Homosexuality and Nature. in Jeffrey Olen, et al. Belmont USA: Thomson Higher Education.
- University Malaysia Sabah. (2021). *Falsafah Perkahwinan dari Perspektif Agama” Analisis menurut Agama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha*.
- Yesaya. B., E. Sonny. E., Z. (2022). Mengkritisi Perilaku Homoseksual dalam Perspektif Teologi Kristen. *Jurnal Ilmiah Teologi, Pendidikan, Sains, Humaniora dan Kebudayaan*. Vol 15(1). pg. 32-40.
- Zainol. N., Z., N. Majid. L., A. Hussin. H. (2018). Perspektif Feminis Dalam Isu Homoseksual. *Jurnal al-Turath Al Quran dan Al-Sunnah*. Vol 3 (1). pg. 46-54.
- Zuhri, M.A. (2015). Perkahwinan Sejenis dalam Kajian Islam. *Jurnal Al-Ahwal*. Universitas Muhammadiyah Malang. Vol 8(1). pg. 87-96.